



SILA BACA DAN FAHAMI TERMA DAN SYARAT YANG DINYATAKAN DI DALAM DOKUMEN INI. SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMAHAMI MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA DOKUMEN INI, ANDA MESTI MENDAPATKAN PENJELASAN LANJUT DARIPADA PEGAWAI BANK.

LAMPIRAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda memilih produk yang berikut:
Sila tandakan yang mana berkenaan di dalam dokumen ini

- Saadiq Business Debit MasterCard-i
(Kad debit-i ini hanya untuk pelanggan Perbankan Perniagaan Saadiq)
- Saadiq Priority Banking Debit MasterCard-i
(Kad debit-i ini hanya untuk pelanggan Perbankan Prioriti Saadiq)
- Saadiq MasterCard Debit Card-i/ Saadiq Liverpool FC MasterCard Debit Card-i
(Kad debit-i ini hanya untuk pelanggan Perbankan Peribadi Saadiq)

Anda diwajibkan membaca:

- Terma dan Syarat Standard Chartered Saadiq Berhad Business Debit Card-i
- Syarat dan Peraturan Akaun Peribadi Saadiq

Standard Chartered Saadiq Berhad ("Bank")

Tarikh:

Nombor Akaun : _____

Matawang : M

1. Apakah yang anda perlu tahu tentang produk ini?

Kad debit-i ini merupakan instrumen pembayaran yang membolehkan anda membayar untuk barang dan perkhidmatan daripada akaun deposit/pelaburan anda di premis runcit dan perkhidmatan yang menyertainya. Anda dikehendaki untuk mengekalkan akaun deposit/pelaburan bersama kami, yang akan digabungkan dengan kad debit-i anda.

Penggunaan kad adalah berdasarkan konsep Syariah Ujrah (Upah). Ini merujuk kepada pembayaran yuran sebagai pertukaran untuk perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan kepada pemegang kad.

Kad debit-i juga mempunyai fungsi ATM untuk pelanggan membuat pengeluaran wang tunai daripada akaun deposit/pelaburan yang digabungkan dengannya. Kad debit-i ini mempunyai aplikasi tanpa sentuhan yang membenarkan anda melakukan transaksi tanpa tunai di terminal MyDebit bagi pembelian di bawah RM250.

2. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Deskripsi	Lain-Lain	Perbankan Prioriti	Perbankan Perniagaan
• Kad Baru	RM8	Percuma	Percuma
• Yuran Tahunan*	RM8	Percuma	RM8
• Penggantian kad yang hilang / rosak / disebabkan Sekatan PIN	RM8	Percuma	RM8
• Penggantian kad bermasalah (kad yang baru dikeluarkan)	Percuma	Percuma	Percuma
• Rangkaian ATM HOUSe** Pengeluaran Wang Tunai (setiap transaksi)	RM1	RM1.00	RM1
• Rangkaian ATM HOUSe** Pertanyaan Baki	Percuma	Percuma	Percuma
• Rangkaian Perkongsian ATM MEPS (SAN) Pengeluaran Wang Tunai (setiap transaksi)	RM1	RM1	RM1
• Rangkaian Perkongsian ATM MEPS (SAN) Pertanyaan Baki	Percuma	Percuma	Percuma
• Pengeluaran Wang Tunai di Luar Negara	RM12	Percuma	RM12
• Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) melalui Rangkaian ATM SCB -	Tiada caj (berkuatkuasa 1 st Julai 2018)		

* Yuran tahunan mungkin dikenakan atau dikesualikan bagi produk terpilih. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Buku Fi dan Caj

** Rangkaian HOUSe merangkumi Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, HSBC Bank Malaysia Berhad, OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan United Overseas Bank (M) Bhd.

Transaksi dalam Mata Wang Asing

- Transaksi dalam mata wang selain Ringgit Malaysia akan ditukarkan pada kadar tukaran yang ditetapkan oleh MasterCard Worldwide / Bank dan disertakan yuran, caj dan komisen berkenaan seperti yang ditetapkan oleh MasterCard Worldwide pada tarikh transaksi diproses.
- Bank akan mengenakan caj tambahan 1% ke atas amaun transaksi dalam mata wang asing atau amaun transaksi di luar negara dengan Kad Debit MasterCard.

3. Apakah terma dan syarat utama?

Pra-kebenaran untuk pembayaran menggunakan kad debit-i

Amaun pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dicaj kepada akaun deposit/pelaburan disatukan apabila anda membuat pembayaran menggunakan kad debit-i anda di mana-mana dispenser minyak automatik. Bank akan hanya mengesahkan amaun transaksi sebenar dan mengeluarkan mana-mana amaun pegangan tambahan daripada akaun anda dalam masa 3 hari bekerja selepas tarikh transaksi. Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan kad debit-i di kaunter juruwang untuk mengelakkan penahanan pada amaun pra-kebenaran.

Ref. No. 02062021.2.3.10



A Standard Chartered Group Company
Standard Chartered Saadiq Berhad (Reg. No. 200801022118)

sc.com/my



4. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi kewajipan?

Anda mestilah sentiasa mengambil langkah yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan kad debit-i anda. Anda bertanggungjawab untuk melindungi kad anda dan tidak mendedahkan butiran kad dan nombor pengenalan peribadi kad anda kepada sesiapa. Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tidak sah berasaskan PIN jika anda:

- melakukan penipuan;
- gagal memaklumkan kepada Bank sebaik sahaja anda mendapati bahawa kad debit-i anda telah hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran anda;
- mendedahkan PIN anda kepada orang lain dengan sengaja PIN anda; atau
- mengkompromikan kerahsiaan PIN anda, contohnya, menulis PIN anda di atas kad debit-i atau apa-apa bahan yang disimpan berdekatan dengan kad debit-i anda.

Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tidak dibenarkan yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh, jika anda:

- melakukan penipuan;
- gagal memaklumkan kepada Bank sebaik sahaja anda mendapati bahawa kad debit-i anda telah hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran anda;
- meletakkan kad debit-i tanpa pengawasan sama ada Kad sahaja atau diletakkan di dalam dompet, beg tangan dan sebagainya, di tempat yang mudah di lihat dan di akses oleh orang lain; atau
- membenarkan orang lain menggunakan kad debit-i anda dengan sengaja.

5. Apakah risiko utama?

Kad anda mungkin dicuri atau hilang atau disalahgunakan. Jadi anda harus melindungi kad debit-i dan PIN anda dan tidak boleh mendedahkan butiran kad atau PIN kepada sesiapa. Jika kad anda hilang atau dicuri atau anda mengetahui atau mengesyaki kad anda disalahgunakan, anda harus hubungi Bank dengan serta-merta melalui **Perbankan Online / SC Mobile** dengan pergi ke '**Help & Services**' (Bantuan & Perkhidmatan) dan pilih '**Report Lost/Stolen Card**' (Lapor Kad Hilang/Curi) atau melalui talian 1300 888 888 / 03-7711 8888 (sekiranya anda membuat panggilan dari luar negara). Untuk Perbankan Perniagaan, sila hubungi Bank pada talian 1300 888 111 / 603-77189733. Anda dinasihatkan untuk tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon bimbit sebagai PIN anda untuk menangani penggunaan kad debit-i anda tanpa kebenaran sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian kad.

Anda akan menerima transaksi peringatan SMS yang telah ditetapkan. Untuk mengubah suai peringatan SMS anda, sila log masuk ke Perbankan Online. Harus diingat bahawa keputusan ini mengandungi risiko. Anda harus menghubungi Bank untuk berhenti melanggan peringatan transaksi ini. Pastikan semua transaksi yang tertera dalam penyata akaun anda adalah betul. Sila beritahu Bank tentang sebarang percanggahan dalam penyata akaun anda dalam masa 30 hari dari tarikh penyata.

6. Apakah risiko-risiko yang berkaitan dengan transaksi tanpa kad dan transaksi luar Negara?

Apabila transaksi tanpa kad dan transaksi luar negara dilakukan, anda terdedah kepada risiko data akaun dikompromi atau maklumat tersebut mungkin digunakan bagi pembelian dan/atau pengeluaran tunai yang tidak dibenarkan. Anda diingatkan bahawa bagi transaksi luar negara, pengesahan ciri-ciri kad bagi transaksi pembelian berbeza-beza dari negara ke negara dan sesetengah negara / pedagang mungkin tidak menggunakan pendekatan yang ketat. Transaksi tidak sah mungkin berlaku sekiranya data akaun anda dikompromi.

7. Bolehkah saya melakukan transaksi luar negara dan / atau transaksi online?

Untuk membuat pengeluaran tunai ATM luar negara, pembelian luar negara, pembelian atas talian dan transaksi mail-order-telephone order (transaksi tanpa kad), anda dikehendaki opt-in (membuat permintaan) melalui **Perbankan Online** atau **SC Mobile** dengan langkah-langkah tersebut: Log masuk > Pilih '**Help & Services**' > Pilih '**Card Management**' > Pilih '**Debit Card Settings**'.

8. Bolehkah saya mengurangkan had kumulatif tanpa sentuh atau menarik diri daripada menggunakan fungsi tanpa sentuh kad debit-i saya?

Had kumulatif tanpa sentuh kad debit-i anda telah ditetapkan kepada RM500 sehari. Sekiranya anda ingin menetapkan had rendah atau menarik diri daripada menggunakan fungsi ini, anda boleh melakukannya melalui **Perbankan Online** atau **SC Mobile**. Sila lihat langkah-langkah penuh di jawapan untuk soalan 7.

9. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran maklumat dan butiran surat-menyurat?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami tentang sebarang pertukaran butiran surat-menyurat bagi memastikan semua surat-menyurat sampai tepat pada masanya. Anda boleh mengemaskini maklumat melalui **Perbankan Online** atau **SC Mobile** dengan langkah-langkah tersebut: Log masuk > Pilih '**Profile**' > Kemaskini maklumat.

10. Bagaimana caranya untuk membatalkan debit kad-i saya?

Sila ke Perbankan Online / SC Mobile di bawah '**Help & Services**' (Bantuan dan Perkhidmatan) atau di mana-mana cawangan Standard Chartered Bank Malaysia Berhad atau Standard Chartered Saadiq Berhad untuk membatalkan kad debit dan menutupi akaun yang digabungkan dengannya.

Untuk pelanggan Perbankan Perniagaan, sila ke mana-mana cawangan di mana akaun bisnes anda dibuka atau hubungi kami di **1 300 888 111 / 603-7718 9733** (sekiranya anda membuat panggilan dari luar negara) untuk membatalkan kad debit dan menutupi akaun yang digabungkan dengannya.

Maklumat yang terkandung dalam lampiran pendedahan ini adalah sah pada Mac 2021